

Pulihara sumber ikan negeri

KUANTAN - Jabatan Perikanan Pahang melepaskan 2.5 juta pelbagai benih ikan air tawar secara berperingkat di perairan umum Pahang tahun lalu dalam usaha memulihara sumber berkenaan terus kekal.

Pengarahnya, Azahari Othman berkata, dalam tempoh empat bulan tahun ini sebanyak 375,000 benih ikan dilepaskan di Kuantan, Temerloh, Jerantut dan Maran.

Menurutnya, pelepasan benih ikan bertujuan menjamin kelestarian sumber perikanan sungai di samping meningkatkan sumber pendapatan golongan nelayan darat.

"Selain itu ia turut dapat menambah

stok ikan di sungai, tasik dan empangan yang semakin berkurangan disebabkan penangkapan tidak terkawal, ia juga dapat meningkatkan sumber pendapatan nelayan darat," katanya pada program pelepasan benih ikan dan penutup kembara santai *Boat On The Road 2018* dirasmikan Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail di Empangan Chereh.

Azahari berkata, dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini sebanyak 375,000 benih ikan dilepaskan di empat daerah.



Muhammad Safian dan Azahari melepaskan benih ikan di Empangan Chereh pada program itu.